

MCA disaran letak calon Cina Muslim
Free Malaysia Today
February 03, 2013

PETALING JAYA: MCA dicadangkan meletakkan calon Cina Muslim untuk menambat hati para pengundi Melayu pada PRK Kajang.

Menurut pensyarah dan pendakwah terkenal, Ridhuan Tee Abdullah, ini adalah kerana majoriti pengundi di situ adalah Melayu, 48%, Cina 41%, India 10%.

Pada tahun 2013, PKR menang dengan majoriti 6,824. Tahun 2008 – 3,268, tahun 2004 – 2,773.

“Selama ini pun MCA tidak pernah kuat. MCA mendapat sokongan dan menang di kawasan majoriti Melayu sahaja. Peliknya, kenapa MCA begitu yakin dapat menawan DUN Kajang,” kata beliau dalam kolumnya dalam sebuah akhbar harian.

Beliau berkata belum apa-apa lagi, MCA sudah membidas Umno yang ingin bertanding di DUN Kajang.

“Pada MCA, kerusi tersebut adalah milik bapaknya. Formula Barisan Nasional (BN) mesti dipatuhi. Jika tidak, mereka akan bertindak balas, boikot,” katanya.

“Peliknya, bila kena pada mereka, mesti ikut formula. Bila kena pada kita, tidak ada formula. Bukankah perlembagaan negara itu bapak segala formula? Kenapa tidak mahu ikut?” soal beliau.

Beliau bertanya masih ingat kerusi Parlimen Wangsa Maju PRU 2013?

“Bila calon Umno diletakkan di sana, maka MCA boikot,” dakwanya,

Sambil menyuruh MCA mencerminkan muka terlebih dahulu, Ridhuan Tee berkata, “Saya tidak pernah hairan dengan boikot MCA, kerana ahli MCA sendiri belum tentu menyokong Umno”.

Persoalan beliau, siapakah calon MCA paling layak untuk menentang pemimpin nombor 1 PKR itu?

“Jika tidak ada, duduk rumah diam-diam. Serahkan kepada pucuk pimpinan BN untuk menentukannya,” katanya lagi.

Selama 10 tahun ini, MCA tidak pernah menang.

“Bayangkan jika kawasan itu majoriti Cina. Lagi putih mata. Jadi, muhasabah dirilah MCA,” katanya lagi.

Sepanjang kajian, majoriti pengundi Cina menyokong parti ultra kiasu. Justeru, amat sukar diterima, apabila MCA begitu bersungguh-sungguh untuk bertanding, seolah-olah tidak

tahu malu.

“Sangat kelakar lagi, pemuda MCA menempelak kenyataan Pemuda Umno melalui kenyataan bahawa kerusi tersebut tidak semestinya ditandingi MCA,” katanya.

Pada beliau, kenyataan pemuda Umno itu ada justifikasinya. Kita semua tahu, trend pengundian di negara kita bersifat perkauman.

“Saya amat yakin jika MCA bertanding, majoriti undinya akan menjadi lebih kecil kerana sudah tentu pengundi Melayu dahulunya menyokong MCA tidak akan mengundi MCA lagi kerana mereka sudah ada calon pilihan lain berbangsa Melayu,” dakwanya.

Jika calon Melayu diletakkan, sudah tentu Melayu tidak begitu menyampah.

“Bukan apa, untuk BN menang jauh sekali.

Tetapi sekurang-kurangnya menurun majoriti PKR yang terlalu bongkak itu,” katanya lagi.

Lagipun, jika MCA bertanding, beliau tidak nampak pengundi Cina akan menyokongnya.

Paling tidak, dapat juga dialihkan undi Melayu. Baru agak mudah untuk kita menganalisa sejauh mana Melayu mengundi Pakatan Rakyat\

“Ingatlah pengundi Melayu sedang marah kepada MCA hari ini. MCA seolah-olah sama sahaja seperti ultra kiasu,” katanya..

Apatah lagi katanya, MCA senyap sepi dalam isu guru mualaf di SJKC Nan Ya, Kota Tinggi.

Begitu juga isu gantung loceng di dada murid-murid Islam di SJKC Khai Meng, Sungkai.

“Perjuangan chauvinis MCA seolah-olah tiada bezanya dengan ultra kiasu, meskipun mendakwa memperjuangkan semua kaum,” katanya,

Beliau berkata setiap kali berlaku pilihan raya sama ada PRU atau pilihan raya kecil (PRK), ia melibatkan belanja besar.

“Takkanlah kita hendak habiskan duit begitu sahaja,” katanya.

Katanya lagi, banyak lagi perkara boleh dilaksanakan. Apatah lagi jika kita yakin tidak boleh menang.

“Cadangan saya, jika MCA masih terus berkeras, lebih baik BN tidak perlu bertanding langsung. Biarkan MCA terkontang-kanting seorang diri. BN boleh bantu, tetapi biarkan MCA keluarkan semua perbelanjaannya,” cadang beliau..

Beliau menambah parti komponen BN yang lain perlu belajar dan bantu secara sukarela tanpa diberi imbuhan seperti mana dilakukan oleh Pas selama ini.

Ujarnya, kejayaan Pas adalah kerana ahli parti mereka bekerja dengan tidak mengharapkan

imbuhan, melainkan imbuhan 'pahala' sahaja.

"Di sinilah kekuatan Pas. Jika ini boleh dilakukan, kalah pun berbaloi. Kita mahu tengok MCA benar-benar ada gigi ke tidak atau sekadar gigi palsu," katanya lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/02/03/mca-disaran-letak-calon-cina-muslim/>